

### A3. AMBILAN KHAS

#### A3.1 LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) YANG MEMILIKI SIJIL MENENGAH AGAMA (SMA) ATAU SIJIL MENENGAH UGAMA (SMU) DAN LEPASAN SIJIL *UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC)*

##### A3.1.1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**
- ii. Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam bidang pengkhususan tertentu bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti **program persediaan** PISMP selama satu tahun (tiga semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar yang **LULUS** program persediaan PISMP akan diberikan Sijil Tamat program dan ditawarkan mengikuti pengajian PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- v. PISMP akan dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

##### A3.1.2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2005.
- iii. Sihat tubuh badan.
- iv. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- v. **LULUS** SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya enam **KEPUJIAN** dalam mana-mana mata pelajaran termasuk:
  - Bahasa Melayu; dan
  - Bahasa Inggeris
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **LULUS** dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM.
- vii. Calon lepasan SMA atau SMU mesti memiliki sekurang-kurangnya **tiga** gred **KEPUJIAN** dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat **SMA** atau **SMU**.
- viii. Calon lepasan UEC mesti memiliki sekurang-kurangnya **tiga** gred **KEPUJIAN** dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat **Sijil Senior Middle Level (UEC-SML)**.

##### A3.1.3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

- i. **Lepasan SPM yang memiliki SMA/SMU**
  - Pendidikan Islam Pendidikan Rendah (SK)
- ii. **Lepasan UEC yang memiliki UEC**
  - Bahasa Cina Pendidikan Rendah (SJKC)

**SYARAT BIDANG PENGKHUSUSAN PISMP AMBILAN KHAS  
LEPASAN SPM YANG MEMILIKI SIJIL UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE  
(UEC)**

| AMBILAN KHAS UEC   SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) |  |   |
|---|--|---|
| BIL   | KOD & BIDANG PENGKHUSUSAN                                      | SYARAT  |
| 1   | <p>50AK030C00P</p> <p><b>BAHASA CINA PENDIDIKAN RENDAH</b></p> | <p><b>SYARAT AKADEMIK</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>LULUS</b> SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya <b>enam (6) KEPUJIAN</b> dalam mana-mana mata pelajaran termasuk:           <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bahasa Melayu;</b> dan</li> <li>• <b>Bahasa Inggeris</b></li> </ul> </li> <li>ii. Mendapat sekurang-kurangnya <b>LULUS</b> di peringkat SPM dalam mata pelajaran <b>Sejarah.</b></li> </ul> <p><b>SYARAT TAMBAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Calon lepasan UEC mesti memiliki sekurang-kurangnya <b>tiga (3) gred KEPUJIAN</b> dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat Sijil Senior Middle Level (UEC-SML).</li> </ul> |